



**TAHAP AMALAN AGAMA TERHADAP SIKAP SUKARELAWAN
PELAJAR TINGKATAN EMPAT SEKOLAH MENENGAH
AGAMA DI DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR**

**[THE LEVEL OF RELIGIOUS PRACTICE TOWARDS THE VOLUNTEER
ATTITUDE OF STUDENTS IN FORM FOUR RELIGIOUS SECONDARY
SCHOOLS IN HULU LANGAT DISTRICT, SELANGOR]**

ROHSAMILA YUNUS & HARUN BAHRUDIN¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Bangi, Selangor, Selangor, MALAYSIA.
E-Mail: p118816@iswa.ukm.edu.my

Corespondent Email: harunbaharudin@ukm.edu.my

Received: 23 December 2023

Accepted: 11 January 2024

Published: 31 Janauary 2024

Abstrak: Aktiviti kesukarelawanan merujuk kepada kegiatan yang bersifat sukarela tanpa mengharapkan apa-apa keuntungan atau hasil dari kerja yang dilakukan. Aktiviti sebegini mendatangkan pelbagai manfaat kepada sukarelawan yang terlibat kerana dapat memupuk nilai-nilai murni yang selari dengan asas ajaran agama Islam yang berpandukan al- Quran dan as-Sunnah. Keterlibatan golongan pelajar remaja dalam aktiviti sukarelawan mampu membentuk jati diri seorang Muslim yang sejati, berketerampilan tinggi untuk menerajui kepimpinan sesbuah negara di masa akan datang. Namun,sikap sukarelawan harus dibentuk melalui penghayatan amalan agama yang dididik secara berterusan baik di rumah ataupun melalui pendidikan formal di sekolah. Sikap sukarelawan ini juga dikesan dapat membantu meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap sikap kerja sosial yang baik terutamanya di kalangan pelajar yang kian meningkat bagi melahirkan modal insan yang berakhhlak dan berkarsma dalam mendepani arus globalisasi. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan tahap amalan beragama terhadap sikap sukarelawan pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat. Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kes yang menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan teknik pensampelan bertujuan yang dipilih berdasarkan ciri-ciri populasi dan objektif kajian. Seramai 226 orang responden yang terdiri daripada pelajar aliran agama yang berada di tingkatan empat di tiga buah sekolah menengah agama swasta sekitar daerah Hulu Langat, Selangor. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dibina sendiri oleh pengkaji dan dari kajian lepas yang bersesuaian dengan konstruk pengetahuan agama meliputi bidang akidah, ibadah dan akhlak. Data daripada borang soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk Windows (versi 26.0). Analisis deskriptif dan inferensi dilakukan ke atas data daripada borang soal selidik yang diambil dari kalangan responden secara bertulis. Hasil kajian diharapkan dapat membantu lebih ramai golongan pelajar terlibat dalam aktiviti sukarelawan kesan pengamalan agama yang baik untuk membentuk jati diri pelajar muslim yang bersahsiah tinggi selari dengan tuntutan agama.

Kata kunci: amalan beragama, sikap sukarelawan, pelajar sekolah.

Abstract: Volunteer activities refer to voluntary activities without expecting any profit or result from the work done. Such activities bring various benefits to the volunteers involved because they can cultivate good values that are in line with the Islamic religious teachings which are guided by the Quran and the Sunnah. The involvement of teenage students in volunteer activities is able to form the identity of a true Muslim, with high skills to lead the leadership of a country in the future. However, the attitude of volunteers should be formed through the appreciation of religious practices that are continuously taught either at home or through formal education at school. This volunteer attitude was also found to help increase the community's awareness of good social work attitudes, especially among students who are increasing in order to produce moral and charismatic human capital in the face of globalization. The objective of this study is to determine the level of religious practice towards the attitude of volunteer students of the fourth form of religious secondary school in Hulu Langat district. The study conducted is a case study that uses a quantitative research design with purposive sampling techniques selected based on the characteristics of the population and the objectives of the study. A total of 226 respondents consisting of religious students who are in the fourth grade in three private religious secondary schools around Hulu Langat district, Selangor. This study uses a questionnaire as a research instrument built by the researcher himself and from previous studies that are compatible with the construct of religious knowledge covering the fields of faith, worship and morals. Data from the questionnaire was analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) for Windows (version 26.0). Descriptive and inferential analysis is done on data from questionnaires taken from respondents in writing. The results of the study are expected to help more students get involved in volunteer activities, the effect of good religious practices to form the identity of Muslim students with high character in line with religious demands.

Keywords: *religious practice, volunteer attitude, school students*

Cite This Article:

Rohsamilia Yunus & Harun Baharudin. 2024. Tahap Amalan Agama Terhadap Sikap Sukarelawan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Agama di Daerah Hulu Langat, Selangor [The Level of Religious Practice Towards The Volunteer Attitude of Students in Form Four Religious Secondary Schools in Hulu Langat District, Selangor]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 4(1), 8-26.

PENGENALAN

Aktiviti sukarelawan adalah suatu program yang penting untuk melahirkan masyarakat yang berjiwa murni dan penyayang. Sikap kesukarelawanan perlu dibentuk dalam masyarakat sedari awal pelajar meningkat usia remaja untuk melahirkan modal insan yang bercirikan Muslim sejati yang sentiasa peka terhadap keprihatinan sesama makhluk. Aktiviti sukarelawan juga adalah suatu program yang penting untuk menyatupadukan masyarakat melalui nilai budaya, ideologi, prinsip serta tradisi sesuatu kaum Abd. Rahim Abd. Rashid (2012). Dalam setiap aktiviti kesukarelawan dapat membentuk semangat prihatin dan empati yang menjadi tuntutan agama dan juga kepada kesejahteraan negara dalam pembentukan perpaduan nasional untuk mendepani pelbagai cabaran yang berlaku semasa proses pembentukan jati diri pelajar masa kini. Perubahan zaman moden yang berlaku pada hari ini juga memerlukan satu semangat sukarelawan sebagai satu nilai teras yang perlu ada dalam generasi pelajar hari ini Wilson (2000). Melalui aktiviti kesukarelawan, nilai-nilai murni dapat diterapkan bagi melahirkan pelajar yang berkualiti dari sudut pendidikan dan sahsiah keperibadian. Remaja merupakan aset

kepada sesebuah negara dan menjadi generasi pelapis perlu sentiasa diberikan perhatian oleh pelbagai pihak agar mereka tidak mudah terlibat dengan gejala yang tidak sihat yang akan merosakkan masa depan mereka sendiri (Mohamad Zaid et al., 2019). Pembentukan sahsiah dan keperibadian pelajar perlu selari dengan nilai-nilai yang digariskan dalam ajaran agama Islam untuk membentuk generasi pemimpin ke arah negara bangsa yang bertamadun tinggi. Usaha pembentukan jati diri Muslim yang sejati di kalangan pelajar remaja haruslah dilakukan secara berterusan di pelbagai peringkat baik daripada ibu bapa, pihak sekolah, masyarakat dan juga badan kerajaan.

PERNYATAAN MASALAH

Kebanyakan isu yang melibatkan masalah akhlak dan disiplin di kalangan pelajar kini semakin membimbangkan (Buerah et. Al., 2015). Masalah keruntuhan akhlak akan membawa kepada kemerosotan nilai sahsiah pelajar Mustari et. Al. (2004). Isu keruntuhan akhlak dan akidah di kalangan remaja sehingga menyebabkan jati diri seorang pelajar Muslim tergugat kerana kurangnya pendedahan kepada aktiviti sosial dalam masyarakat. Penyertaan pelajar remaja dalam program kesukarelawan dapat memberikan pelbagai manfaat yang besar kepada pembangunan dan kesejahteraan sesebuah negara yang bertamadun. Pelajar yang terlibat dalam program sukarelawan tidak hanya sekadar memenuhi masa lapang bahkan mereka turut mendapat pelbagai manfaat kesan dari kerja sosial yang dilakukan tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran tertentu. Namun, masih terdapat pelajar yang kurang menghayati dan kurang faham dengan aspek kesukarelawan Tuan Pah Rokian dan Lilah (2016).

Kecemerlangan pelajar tidak hanya diambil kira dari aspek penguasaan akademik semata-mata tetapi juga berdasarkan penghayatan nilai agama yang dituntut dalam kehidupan seharian bagi seorang Muslim. Di sinilah akan lahirnya seorang modal insan yang berjiwa rabbani, bersahsiah tinggi serta bertamadun tinggi. Masyarakat hari ini memandang berat tentang peristiwa laku seseorang sebagai kayu ukur menandakan hubungan seseorang dengan Tuhan, sesama manusia dan alam semesta Shuhairimi (2013).

Pembentukan budaya yang berkait dengan elemen nilai murni juga turut berubah mengikut urutan masa dan keadaan sekeliling (Kasran, 2011). Nilai-nilai murni adalah merupakan nilai sejagat yang diterapkan dalam unsur agama, adat resam dan budaya menjadi ikutan seluruh masyarakat dunia. Tidak terkecuali, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga menggariskan 16 aspek nilai-nilai murni yang turut menjadi asas kepada Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dengan tujuan melahirkan pelajar yang seimbang dari aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani. Untuk melahirkan modal insan yang holistik bagi seorang remaja, ia perlu melalui pengukuhan elemen kerohanian agar mereka dapat bersaing dengan lebih baik apabila meningkat dewasa. Pengukuhan rohani ini penting menjadi benteng kepada jiwa remaja untuk mengawal diri mereka terjebak dengan pelbagai masalah sosial yang semakin berleluasa (Khalim, Aminudin & Akila, 2010; Muhammad al-Ghazali, 2002). Kajian-kajian lepas menunjukkan pelbagai masalah sosial yang melibatkan remaja Islam dalam kegiatan jenayah Syariah seperti zina dan seks bebas berpunca dari lemahnya pegangan agama (Azizah, 2012). Disokong dengan kajian Mariam et. al 2019 menunjukkan bahawa peningkatan remaja

yang terlibat dengan tingkah laku yang memberikan kesan negatif kepada akhlak semakin membimbangkan.

Walaupun pelbagai pendekatan dilakukan bagi menyelamatkan remaja daripada terlibat dengan salah laku melibatkan keruntuhan akhlak, namun masih ramai remaja terdedah melakukan tingkah laku negatif ekoran pendidikan agama yang diberikan di peringkat sekolah dan institusi pendidikan kurang menekankan aspek penghayatan (Muhd Nuri et. al 2016). Bagi mewujudkan masyarakat yang berdaya saing dari sudut ilmu dan seiring teknologi globalisasi, elemen kerohanian yang merangkumi nilai adab dan kemanusiaan perlu ditekankan agar dapat membina jati diri seorang remaja Muslim yang berwibawa. Ianya perlu dibentuk seawal pendidikan pra sekolah sehingga ke peringkat pendidikan tinggi secara berterusan. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di bilik darjah khasnya bagi mata pelajaran Pendidikan Islam perlu diberikan penekanan dan penghayatan yang jitu selari dengan tuntutan nilai agama mendidik jiwa seorang Muslim sejati sedangkan ilmu dan pengetahuan agama itu penting dalam pembentukan sahsiah remaja dan modal insan pelajar di masa hadapan.

Oleh itu, solusi terbaik untuk mendepani isu salah laku akidah dan akhlak di kalangan remaja sekolah adalah melalui kaedah kesepaduan yang terbentuk dari pihak pembuat dasar sehingga kepada pihak pelaksanaannya melalui guru-guru Pendidikan Islam di sekolah agar kesepaduan ini dapat memberi nilai tambah kepada jati diri pelajar dari sudut penghayatan nilai agama Islam yang sebenar mengikut aliran akidah yang bertepatan dengan ajaran yang disampaikan oleh Rasullullah SAW. Ini kerana asas kepada nilai penghayatan agama Islam bermula dengan ilmu Akidah Al-Attas (1980). Diikuti dengan prinsip kepercayaan kepada rukun Iman, maka berkembanglah aspek rohani dan spiritual (Asmawati & Fathiyah, 2012). Untuk membentuk keimanan ianya memerlukan pendidikan dan tarbiah yang berterusan agar dapat menerbitkan amalan yang baik dalam jiwa pelajar Hassan al-Banna (1949). Apabila amalan agama yang baik dipraktikkan oleh pelajar dapat menghindari mereka untuk mudah terjebak dengan anasir dan budaya yang negatif menyalahi hukum agama Islam.

Amalan baik ini juga boleh mendorong pelajar untuk bergerak aktif melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti kesukarelawan di mana-mana sahaja tidak hanya tertumpu di peringkat sekolah. Pencampuran dengan masyarakat adalah salah satu bentuk sokongan yang diberikan melalui elemen nilai murni kerjasama di mana usaha yang baik dapat dilakukan antara pelajar bersama dengan masyarakat seterusnya dapat membina hubungan positif yang membawa kepada nilai perpaduan sejagat.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian terdahulu mendapati pelajar mudah terdedah dengan salah laku yang tidak sihat apabila berhadapan dengan cabaran media sosial tanpa batasan sehingga mempengaruhi aspek pemikiran dan budaya yang bercanggah dengan aturan agama Islam. Kurangnya pendidikan agama juga adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada keruntuhan sahsiah pelajar. Kemunculan era globalisasi dan dunia tanpa sempadan pada alaf ke-21 memberikan impak yang besar kepada masyarakat dunia. Pelbagai perubahan berlaku di dalam sistem politik, ekonomi dan juga sosial di setiap negara. Tidak terkecuali bidang pendidikan juga salah satu bidang yang turut mengalami kesan dari fenomena digital dengan membawa perubahan yang besar meliputi

sistem pendidikan dari aspek pentadbiran dan perlaksanaannya dari peringkat awal persekolahan sehingga ke peringkat tertinggi dalam sesebuah institusi pendidikan.

Negara Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mengiktiraf agama Islam sebagai agama rasmi, sudah tentu amalan agama merupakan teras dalam pembentukan tamadun manusia seterusnya dapat memacu negara menjadi sebuah negara yang madani. Untuk melahirkan masyarakat Islam yang bertamadun tinggi seseorang itu perlu mempunyai akhlak dan ilmu agama yang baik Yusof Al-Qardawi (1999). Jiwa yang murni adalah hasil dari nilai penghayatan amalan agama yang baik mengikut tahap ilmu agama yang tinggi Sayid Sabiq (1982). Elemen pengukuhan rohani ini yang perlu ditekankan kepada pelajar agar dapat menghasilkan sikap sukarelawan yang berhati mulia sentiasa bersedia membantu memberikan khidmat bakti di mana-mana jua dan pada bila-bila masa tanpa memikirkan tentang ganjaran yang bakal diperolehi.

Kerja bakti ini juga merupakan satu bentuk ibadah sunat yang sangat dituntut dalam agama. Nilai kesukarelawan yang tinggi akan lahir jika seseorang pelajar benar-benar menghayati setiap amalan agama yang dilakukannya berdasarkan ilmu yang diberikan oleh guru Pendidikan Islam di peringkat pendidikan formal. Namun, masih terdapat sebahagian pelajar remaja Islam yang kurang ilmu berkaitan pendidikan agama Islam sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka dalam melaksanakan ibadah yang dituntut sebagai seorang Muslim Kamarul Azmi et al. (2004). Begitu juga dengan ibu bapa hari ini, meskipun memahami ajaran Islam namun masih ramai ibu bapa tidak mengamalkan ajaran agama dalam kehidupan sehari-hari (Abdullah Mohd. Zin 2000). Terdapat juga di kalangan pelajar remaja yang tidak mendapat pendedahan agama di rumah sehingga pelajar mengambil mudah dan bersikap sambil lewa terhadap amal ibadah dalam ajaran Islam (Zawawi Ahmad 1996). Sikap ini juga menunjukkan masih kurang penghayatan dari sudut amalan agama di kalangan pelajar remaja. Untuk melahirkan insan yang sempurna memerlukan amalan yang baik dalam ibadah yang wajib dan ibadah sunat. Begitu juga dengan amalan akhlak, pelajar harus sentiasa tampil beradab dan menunjukkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari. Masih terdapat pelajar remaja yang kurang mengamalkan ibadah sunat Sarijah Abdul Salim (2002).

Pengetahuan agama mempunyai kaitan dengan nilai kerohanian yang meliputi bentuk pengamalan agama dalam kehidupan seseorang Elmi (2013), Elmi & Zainab (2013; 2014; dan 2015). Sebagai seorang pelajar Muslim perlu memaklumi antara tujuan penciptaan manusia dan jin adalah untuk beramal ibadah. Apabila setiap remaja mengambil mudah tentang aspek pengamalan agama dalam kehidupan ianya akan berdepan dengan pelbagai masalah yang melibatkan hati, emosi dan akal yang menjerumuskan diri remaja ke dalam gejala sosial yang tidak sihat. Aktiviti kesukarelawan juga merupakan sebahagian dari amalan sunat yang dapat menyumbangkan nilai-nilai murni serta dapat mempertingkatkan amalan beragama pelajar untuk memperteguhkan jati diri sebagai seorang khalifah di muka bumi. Proses pembangunan diri remaja yang holistik ini mampu membina keperibadian yang selari dengan kehendak agama. Pembentukan sahsiah seseorang bermula daripada sebuah institusi keluarga sedari awal lagi kanak-kanak. Proses tidak formal ini berlaku di rumah bersama keluarga. Kemudian diikuti dengan pendidikan secara formal di sekolah sehingga ke peringkat universiti. Melalui tempoh pendidikan tersebut pelajar melalui beberapa fasa pendidikan sehinggalah menempuh alam remaja yang sudah dikira mencapai fasa baligh atau *murahiqah* (Azzyati & Fariza 2016).

Terdapat kelompongan dari segi pelaksanaan aspek kerohanian kerana aspek ini kurang dititikberatkan dalam kalangan remaja. Ketidakseimbangan ini wujud kerana elemen rohani tidak disepadukan bersama dengan pendidikan jasmani sehingga pelajar mudah terjebak dengan gejala negatif dan salah laku akhlak bahkan lebih besar melibatkan soal akidah Islam. Justeru itu, pengkaji melihat penghayatan aspek amalan beragama di kalangan pelajar merupakan salah satu faktor penting untuk melahirkan pelajar yang berjiwa murni dan mempunyai sikap kesukarelawan yang selari dengan tuntutan agama Islam. Sebagai langkah proaktif mendepani isu pelajar yang terlibat dalam pelbagai salah laku yang berkaitan akhlak dan akidah serta melahirkan pelajar generasi *rabbani* dan bertamadun tinggi, satu kajian tentang tahap amalan beragama terhadap aktiviti sukarelawan pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di sekitar daerah Hulu Langat dipilih untuk kajian kali ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Bertepatan dengan persoalan kajian, beberapa objektif kajian digariskan iaitu objektif pertama adalah mengkaji tahap amalan beragama pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat, objektif kedua adalah mengkaji tahap sikap sukarelawan pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat dan objektif ketiga adalah menganalisis tahap hubungan antara amalan beragama dengan sikap sukarelawan pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat.

METODOLOGI

Pendekatan kajian ini bersifat kuantitatif menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan ujian min, sisihan piawai dan interpretasi min. Analisis inferensi iaitu korelasi *Pearson* digunakan bagi menganalisis tahap hubungan antara pemboleh ubah. Instrumen kajian merupakan item yang penting untuk mendapat maklum balas dari persoalan kajian yang ingin dilakukan. Pengkaji menggunakan teknik pensampelan bertujuan melalui instrumen borang soal selidik yang diagihkan kepada responden di tiga buah sekolah menengah Agama swasta di sekitar Hulu Langat. Populasi kajian ini ialah pelajar tingkatan empat yang belajar di sekolah menengah Agama swasta. Jumlah populasi pelajar sekolah menengah Agama di Daerah Hulu Langat adalah seramai 550 orang. Jumlah penentuan sampel responden adalah berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Justeru, jumlah responden ialah seramai 226 orang. Pengkaji memilih teknik pensampelan kelompok bagi melancarkan proses kajian seperti saiz sampel, kos, masa dan tenaga. Skala Likert 5 pilihan untuk menganalisis nilai tahap amalan agama terhadap sikap sukarelawan dalam kalangan pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di Daerah Hulu Langat. Skala Likert merupakan skala psikometrik yang digunakan untuk menilai personaliti, sikap, dan tingkah laku seseorang (Likert 1932). Selain itu, skala ujian ini dapat melihat sejauh manakah responden bersetuju atau tidak bersetuju dengan kenyataan yang diberikan (Tuckman 1994).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dianalisis melalui perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk *Windows* (versi 26.0). Statistik deskriptif dan frekuensi dianalisis untuk melihat profil demografi pelajar. Interpretasi skor min yang digunakan untuk kajian ini diadaptasi daripada Jamil (2002) seperti Jadual 1. Statistik inferensi menggunakan analisis korelasi *Pearson* untuk menganalisis hubungan antara tahap amalan beragama dengan sikap sukarelawan pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat. Manakala interpretasi kekuatan korelasi dalam kajian ini telah ditentukan mengikut adaptasi daripada Davies (1971) seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 2.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil (2002)

Jadual 2: Interpretasi Kekuatan Korelasi

Skor Min	Tahap
1.00	Kukuh
0.70 - 0.99	Sangat Tinggi
0.50 - 0.69	Tinggi
0.30 - 0.49	Sederhana
0.10 - 0.29	Rendah
0.01 - 0.09	Boleh diabaikan

Sumber: Davies (1971)

Profil latar belakang pelajar

Dapatan kajian ini melaporkannya mengikut dua kategori utama iaitu (i) profil latar belakang dan (ii) profil kediaman bagi pelajar. Jadual 3 menunjukkan bahawa seramai 78 orang (34.5%) adalah terdiri daripada pelajar lelaki, manakala pelajar perempuan seramai 148 orang (65.5%) yang terpilih untuk menjawab soal selidik yang dijalankan di tiga buah sekolah menengah Agama di sekitar daerah Hulu Langat. Semua responden terdiri daripada pelajar yang berada di tingkatan empat dan berusia 16 tahun. Seramai 34 orang pelajar (15%) tinggal di asrama manakala 192 orang (85%) menetap bersama keluarga di kediaman masing-masing.

Jadual 3: Latar Belakang Demografi Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Agama di Daerah Hulu Langat ($N=226$)

Latar Belakang Responden		Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	78	34.5%
	Perempuan	148	65.5%
	Jumlah	226	100%
Kediaman Pelajar	Asrama	34	15%
	Rumah	192	85%
	Jumlah	226	100%

Tahap Amalan Agama Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Agama di Daerah Hulu Langat

Berdasarkan min bagi setiap item yang ditunjukkan dalam Jadual 4, kajian ini mendapati 83.33% item (25 daripada 30) berada pada tahap amalan tinggi. Manakala 16.67% item (5 daripada 30) pula berada pada tahap amalan sederhana. Tiada satu pun item berada pada tahap amalan yang rendah. Bahkan, min item-item didapati berada di antara 4.85 dan 2.56.

Jadual 4 : Tahap amalan Agama pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat.

No.	Item Amalan	Min	Sisihan	Piawai	Interpretasi
B1	Saya berfikir tentang ciptaan Allah SWT yang terdapat di sekeliling saya.	4.46	0.582		Tinggi
B2	Saya berdoa memohon hidayah Allah SWT agar berada di jalan kebenaran.	4.72	0.480		Tinggi
B3	Saya memohon pertolongan Allah SWT apabila menghadapi masalah.	4.75	0.455		Tinggi
B4	Saya mengingatkan diri bahawa setiap masalah datang dari Allah SWT untuk menguji hambaNya.	4.70	0.658		Tinggi
B5	Saya berusaha mematuhi perintah Allah	4.54	0.784		Tinggi
B6	Saya percaya bahawa malaikat Raqib dan Atid mencatat perbuatan baik dan buruk	4.85	0.363		Tinggi
B7	Saya sentiasa mengikut sunnah Nabi	3.28	1.540		Sederhana
B8	Saya membaca kisah-kisah nabi sebagai panduan hidup.	4.24	0.753		Tinggi
B9	Berselawat ke atas Rasulullah SAW	4.77	0.490		Tinggi

untuk mendapat syafaat/pertolongan
di hari kiamat.

B10 Saya tahu adanya balasan dari Allah SWT jika lakukan kebaikan dan keburukan.	4.85	0.354	Tinggi
B11 Membaca al-Quran untuk meningkatkan keimanan dan keyakinan saya.	4.58	0.657	Tinggi
B12 Tindakan saya berlandaskan keimanan saya.	4.23	0.707	Tinggi
B13 Saya melakukan perkara yang wajib dan meninggalkan perkara yang haram.	4.30	0.636	Tinggi
B14 Saya mengambil wuduk sebelum menunaikan solat.	4.74	0.564	Tinggi
B15 Saya berpuasa pada bulan Ramadhan.	4.77	0.613	Tinggi
B16 Saya jarang menunaikan solat 5 waktu.	2.56	1.285	Sederhana
B17 Saya selalu melakukan amalan ibadah sunat seperti solat duha.	3.28	1.001	Sederhana
B18 Saya selalu melakukan amalan ibadah sunat seperti qiamullail.	3.09	1.102	Sederhana
B19 Saya sentiasa belajar untuk memperbaiki solat.	4.46	0.574	Tinggi
B20 Saya sentiasa belajar membaca Al-Quran.	4.30	0.717	Tinggi
B21 Saya jarang mengaji al-Quran.	3.00	1.303	Sederhana
B22 Saya tadabur terjemahan al-Quran.	3.88	0.939	Tinggi
B23 Saya beristighfar setiap kali melakukan kesalahan	4.24	0.690	Tinggi
B24 Saya melakukan solat taubat apabila melakukan maksiat.	3.90	0.832	Tinggi
B25 Saya menjaga adab ketika makan dan minum.	4.26	0.759	Tinggi
B26 Saya menjaga adab ketika masuk dan keluar masjid.	4.39	0.782	Tinggi
B27 Saya melakukan apa yang disuruh oleh ibu bapa saya untuk kebaikan saya.	4.58	0.547	Tinggi
B28 Saya menutup aurat mengikut syara'.	4.33	0.617	Tinggi
B29 Saya akan berusaha untuk sabar menghadapi ujian.	4.45	0.566	Tinggi
B30 Saya menjaga batasan antara lelaki dan perempuan sebagaimana yang ditetapkan oleh syara'.	4.09	0.957	Tinggi
Keseluruhan nilai min	4.22	0.744	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan tahap amalan agama pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat berada pada tahap yang tinggi berdasarkan dapatan min keseluruhan iaitu ($\text{min}=4.22$). Terdapat dua tahap amalan agama responden yang paling tinggi dari keseluruhan 30 item. 15.49% responden setuju dan 84.51% sangat setuju “Percaya bahawa malaikat Raqib dan Atid mencatat perbuatan saya sama ada baik atau jahat” ($M=4.85$, $S.P.=0.363$). 14.60% responden setuju dan 85.40% sangat setuju “Saya tahu adanya balasan dari Allah SWT jika lakukan kebaikan dan keburukan” ($M=4.85$, $S.P.=0.354$). Walau bagaimanapun terdapat 5 item berada pada tahap amalan sederhana. 25.22% responden sangat tidak setuju, 5.31% tidak setuju, 11.95% tidak pasti, 30.97% setuju dan 26.55% sangat setuju “Sentiasa mengikut sunnah Nabi” ($M=3.28$, $S.P.=1.54$). 28.76% responden sangat tidak setuju, 19.03% tidak setuju, 28.76% tidak pasti, 14.60% setuju dan 8.85% sangat setuju “Saya jarang menunaikan solat 5 waktu” ($M=2.56$, $S.P.=1.285$). 1.33% responden sangat tidak setuju, 19.47% tidak setuju, 45.58% tidak pasti, 17.26% setuju dan 16.37% sangat setuju “Saya selalu melakukan amalan ibadah sunat seperti solat duha” ($M=3.28$, $S.P.=1.001$). 7.08% responden sangat tidak setuju, 21.24% tidak setuju, 40.71% tidak pasti, 17.26% setuju dan 13.72% sangat setuju “Saya selalu melakukan amalan ibadah sunat seperti qiamullail” ($M=3.09$, $S.P.=1.102$). 18.58% responden sangat tidak setuju, 17.26% tidak setuju, 21.24% tidak pasti, 31.42% setuju dan 11.50% sangat setuju “Saya jarang membaca al-Quran” ($M=3.00$, $S.P.=1.303$).

Tahap Sikap Sukarelawan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Agama di Daerah Hulu Langat

Jadual 5: Tahap Sikap Sukarelawan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Agama di Daerah Hulu Langat

No.	Item Sikap	Min	Sisihan	Interpretasi
C1	Membantu orang lain selalunya membuang masa.	1.69	0.881	Rendah
C2	Apabila diberi peluang, saya seronok membantu orang lain yang memerlukan.	4.48	0.655	Tinggi
C3	Jika boleh, saya akan memulangkan wang yang hilang kepada pemilik yang sah.	4.58	0.676	Tinggi
C4	Membantu rakan dan keluarga adalah salah satu kegembiraan besar dalam hidup.	4.54	0.700	Tinggi
C5	Jika boleh, saya akan mengelak daripada membantu seseorang yang dalam kecemasan untuk mendapatkan perubatan.	1.87	1.199	Rendah
C6	Terasa indah untuk membantu orang lain yang memerlukan.	4.54	0.654	Tinggi
C7	Menjadi sukarelawan untuk membantu seseorang adalah sangat bermanfaat.	4.42	0.664	Tinggi
C8	Saya tidak suka memberi arahan kepada	2.75	1.151	Sederhana

orang yang tidak dikenali ketika sesat.

C9	Melakukan kerja sukarela membuatkan saya berasa gembira.	4.30	0.850	Tinggi
C10	Saya menderma masa atau wang kepada badan amal setiap bulan.	3.73	0.976	Tinggi
C11	Membantu orang tua bukanlah tanggungjawab saya, melainkan mereka adalah sebahagian daripada keluarga saya.	2.00	1.267	Rendah
C12	Pelajar harus diaja tentang kepentingan membantu orang lain.	4.55	0.550	Tinggi
C13	Saya bercadang untuk menderma organ saya apabila saya meninggal dunia dengan harapan ia akan membantu seseorang untuk meneruskan hidup.	3.35	1.339	Sederhana
C14	Saya cuba menawarkan bantuan untuk sebarang aktiviti komuniti atau kumpulan sekolah yang dijalankan.	4.11	0.839	Tinggi
C15	Saya berasa tenang dengan diri saya apabila saya sudah membantu orang lain.	4.47	0.598	Tinggi
C16	Jika orang di hadapan saya keluar dari barisan di sebuah kedai kerana tidak cukup beberapa sen, saya akan membaya untuknya.	4.27	0.860	Tinggi
C17	Saya berasa bangga apabila saya tahu bahawa kedermawan saya sudah memberi manfaat kepada orang yang memerlukan.	4.23	0.858	Tinggi
C18	Menolong orang lebih mendatangkan kemudaran daripada kebaikan kerana mereka bergantung kepada orang lain dan bukan diri mereka sendiri.	2.30	1.368	Rendah
C19	Saya jarang menyumbang wang untuk tujuan yang layak.	2.70	1.278	Sederhana
C20	Memberi bantuan kepada orang miskin adalah perkara yang betul untuk dilakukan.	4.62	0.587	Tinggi
Keseluruhan nilai min		3.68	0.898	Tinggi

Jadual 5 menunjukkan tahap sikap sukarelawan pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat berada pada tahap yang tinggi berdasarkan dapatan min keseluruhan iaitu ($\text{min}=3.68$). Terdapat 13 item (65%) menunjukkan tahap sikap sukarelawan pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat berada pada skala yang tinggi. Manakala 3 item (15%) menunjukkan tahap sikap sukarelawan pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat berada pada skala sederhana. Sebanyak 4 item (20%) mewakili tahap sikap sukarelawan pelajar tingkatan empat sekolah

menengah Agama di daerah Hulu Langat berada pada skala rendah. 66.37% responden sangat setuju dan 24.81% setuju “Memberi bantuan kepada orang miskin adalah perkara yang betul untuk dilakukan” ($M=4.62$, $S.P.=0.587$). 65.04% responden sangat setuju dan 30.97% setuju “Jika boleh, saya akan memulangkan wang yang hilang kepada pemilik yang sah.” ($M=4.58$, $S.P.=0.676$). 61.50% responden sangat setuju dan 33.63% setuju “Membantu rakan dan keluarga adalah salah satu kegembiraan besar dalam hidup” ($M=4.54$, $S.P.=0.700$). 60.18% responden sangat setuju dan 35.40% setuju “Terasa indah untuk membantu orang lain yang memerlukan” ($M=4.54$, $S.P.=0.654$). 56.64% responden sangat setuju dan 42.92% setuju “Pelajar harus diajar tentang kepentingan membantu orang lain” ($M=4.55$, $S.P.=0.550$).

Walau bagaimanapun terdapat 3 item berada pada tahap sederhana. 15.92% responden sangat tidak setuju, 24.34% tidak setuju, 37.61% tidak pasti, 12.83% setuju dan 9.29% sangat setuju “Saya tidak suka memberi arahan kepada orang yang tidak dikenali ketika sesat” ($M=2.75$, $S.P.=1.151$). 17.26% responden sangat tidak setuju, 6.20% tidak setuju, 20.35% tidak pasti, 36.28% setuju dan 19.91% sangat setuju “Saya bercadang untuk menderma organ saya apabila saya meninggal dunia dengan harapan ia akan membantu seseorang untuk meneruskan hidup.” ($M=3.35$, $S.P.=1.339$). 24.78% responden sangat tidak setuju, 18.58% tidak setuju, 26.55% tidak pasti, 22.12% setuju dan 7.97% sangat setuju “Saya jarang menyumbang wang untuk tujuan yang layak” ($M=2.70$, $S.P.=1.278$).

Terdapat 4 item (20%) berada pada skala rendah. 52.65% responden sangat tidak setuju dan 31.42% tidak setuju “Membantu orang lain selalunya membuang masa” ($M=1.69$, $S.P.=0.881$). 55.31% responden sangat tidak setuju dan 21.24% tidak setuju “Jika boleh, saya akan mengelak daripada membantu seseorang yang dalam kecemasan untuk mendapatkan perubatan” ($M=1.87$, $S.P.=1.199$). 52.66% responden sangat tidak setuju dan 16.81% tidak setuju “Membantu orang tua bukanlah tanggungjawab saya, melainkan mereka adalah sebahagian daripada keluarga saya” ($M=2.00$, $S.P.=1.267$). 42.92% responden sangat tidak setuju dan 15.49% tidak setuju “Menolong orang lebih mendatangkan kemudaratan daripada kebaikan kerana mereka bergantung kepada orang lain dan bukan diri mereka sendiri” ($M=2.30$, $S.P.=1.368$).

Hubungan antara Amalan Agama dengan Sikap Sukarelawan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Agama di Daerah Hulu Langat

Jadual 6 : Hubungan antara Amalan Agama dengan Sikap Sukarelawan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Agama di Daerah Hulu Langat

Item	Kekerapan (N)	Korelasi Pearson (r)	Sig. (2-tailed) (p)	(2- tailed) (p)	Interpretasi Korelasi
Amalan Agama	Sikap Sukarelawan	226	0.297**	0.001	Rendah

*Signifikan pada aras $p = .001$

Melalui ujian kenormalan yang dilakukan, kedua-dua pemboleh ubah adalah bertaburan normal. Ujian Korelasi Pearson telah digunakan untuk menganalisis hubungan antara amalan agama dengan sikap sukarelawan pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat.

H0 : Tiada hubungan signifikan antara amalan agama dengan sikap sukarelawan pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat.

Ha : Terdapat hubungan signifikan antara amalan agama dengan sikap sukarelawan pelajar tingkatan empat sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat.

Jadual 6 menunjukkan hubungan antara amalan agama dengan sikap sukarelawan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat adalah signifikan, namun berada pada tahap rendah ($r = .297$, $p = .001$). Mengikut dapatan ini, meskipun wujud hubungan yang positif namun hubungan tersebut berada pada tahap yang rendah iaitu lemah.

PERBINCANGAN

Kesukarelawan merupakan suatu aktiviti yang sangat berkait rapat dengan sikap murni seseorang. Pelajar yang sering terlibat dalam gerak kerja sukarela mempunyai sikap prihatin dan empati yang tinggi. Sikap kesukarelawan ini boleh dibentuk dari masa ke masa apabila seseorang itu mempunyai tahap amalan agama yang tinggi kerana melihat kepada unsur kebaikan dan manfaat yang boleh diperolehi melalui kerja seikhlas hati tanpa apa-apa ganjaran yang diharapkan. Kerja bakti sukarela merupakan salah satu bentuk ibadah sunat yang dituntut dalam agama bahkan menjadi wajib apabila khidmat sukarela diperlukan pada keadaan tertentu.

Hasil kajian kuantitatif mendapati tahap amalan Agama pelajar tingkatan empat di sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat berada pada tahap yang tinggi berdasarkan dapatan min keseluruhan iaitu ($\text{min}=4.22$) berbeza dengan kajian Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Lilah Yasin (2016) menggambarkan tahap penghayatan golongan belia terhadap sikap sukarelawan masih kurang memuaskan apabila tidak sanggup berada di kawasan kotor dan kurang fasiliti awam. Di dalam Pendidikan Agama Islam sangat dititikberatkan tentang sifat keprihatinan dan empati yang menyeluruh tanpa batasan latar belakang atau apa jua keadaan sekeliling. Hasil kajian mendapati pelajar sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat secara sukarela dalam setiap aktiviti sukarelawan yang dijalankan baik di peringkat sekolah ataupun bersama dengan masyarakat. Ini menunjukkan perilaku model akhlak yang baik merangkumi aspek pengamalan terhadap Pencipta dan juga sesama makhluk ciptaan Allah. Kesempurnaan seorang insan itu dinilai apabila mempunyai hubungan baik dengan Allah dan hubungan baik sesama makhluk apabila sentiasa memberi keutamaan kepada orang lain melebihi diri sendiri untuk mencari keredaan dari Allah SWT (Ahmad Azam 2003). Gerak kerja sukarelawan mementingkan nilai keikhlasan yang tinggi kerana gerak kerja yang dilakukan adalah secara sukarela tanpa dibayangi apa-apa ganjaran atau balasan dari mana-mana pihak.

Untuk membentuk generasi Islam yang berjiwa murni, rabbani dan bertamadun tinggi, pelajar hendaklah melaksanakan amalan agama dengan baik selari dengan pengetahuan ilmu

agama yang dipelajari. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menilai tahap amalan beragama terhadap aktiviti sukarelawan pelajar sekolah menengah agama untuk pembangunan modal insan yang dapat mengimbangi kejayaan dunia dan akhirat seiring dengan tuntutan agama. Aspek keikhlasan ini selari dengan tuntutan Agama yang menitikberatkan setiap amalan yang dilakukan akan diberikan pahala setimpal dengan apa yang diikhlaskan meskipun ianya hanya seberat zarah. Allah SWT berfirman dalam (surah Surah Az-Zalzalah: 99:7), Maksudnya: “Maka sesiapa berbuat kebaikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)”

Dalam ayat di atas, jelas menunjukkan apa jua perkara kebaikan yang kita lakukan di muka bumi ini meskipun ianya hanya sekecil zarah, namun kebaikan itu tetap mendapat nilai di sisi Allah. Di dalam Islam, setiap kebaikan itu tidak bergantung kepada besar atau kecil sesuatu amalan namun ia bergantung kepada nilai keikhlasan dalam melaksanakan sesuatu perkara meskipun ianya dilihat sekecil umpama zarah. Pelajar perlu sentiasa dilatih untuk mempunyai jiwa ikhlas apabila memberikan perkhidmatan secara sukarelawan tidak kira di mana dan harus bersedia sepanjang masa apabila khidmat diperlukan. Untuk memastikan aktiviti sukarelawan ini selari dengan tuntutan agama Islam, golongan pelajar mestilah dididik dengan sebaik mungkin agar dapat melahirkan remaja yang mempunyai jati diri Islam yang berakhhlak tinggi serta mempunyai daya saing yang jitu untuk memajukan negara bangsa. Penghayatan amalan agama yang digarapkan oleh Pendidikan Islam secara formal di setiap sekolah perlu diberikan penekanan khusus terutamanya dari aspek penghayatan amalan yang melibatkan tiga teras ilmu Akidah, Ibadah dan Akhlak agar pelajar dapat melaksanakan setiap rukun dalam ibadah khusus dan ibadah umum yang ditetapkan oleh agama diamalkan dengan baik.

Penghayatan amalan agama ini penting dalam kehidupan kerana secara tidak langsung akan dapat menangani isu gejala sosial yang melibatkan keruntuhan akhlak dan akidah dari kalangan pelajar remaja. Pendekatan ini perlu digembleng oleh ibu bapa, guru dan masyarakat melalui pengamalan agama yang sempurna baik dari sudut amalan wajib dan amalan sunat agar pelajar tidak mudah terpesong dari nilai budaya dan pegangan agama yang sebenar. Pendekatan yang terbaik mestilah berlandaskan pendidikan al-Quran dan al-Sunnah kerana ini dibuktikan dapat membentuk masyarakat yang bertamadun sejak zaman Rasulullah sehingga sekarang keagungan Islam (Arifin 2008).

Bagi menjawab objektif ketiga, didapati bahawa hubungan antara tahap amalan agama dengan sikap sukarelawan adalah rendah. Apabila seseorang pelajar mempunyai pengetahuan agama yang rendah, maka sikap sukarelawan mereka juga akan turut rendah. Dapatan kajian ini juga mendapati pelajar masih kurang mengamalkan amalan sunat seperti solat duha, qiamullail, baca al-Quran dan amalan-amalan sunat yang lain. Amalan ibadah ini penting diamalkan bagi mewujudkan hubungan yang berterusan antara manusia dengan Tuhan penciptanya sepanjang masa. Ibadah sunat seperti berzikir, mengaji al-Quran, berpuasa pada hari yang disunatkan, berzikir, mengaji al-Quran, bersedekah, dan senyum perlu diterapkan kepada pelajar kerana amalan-amalan sunat ini mampu melembutkan hati yang keras (Zulkiple & Nor Salimah 2006; Nurul Badriyah 2017). Oleh itu, pelajar perlu dilatih untuk terus istiqamah melakukan amalan sunat bagi menyucikan hati mereka dan membentuk akhlak yang baik. Pelajar yang mempunyai keimanan yang tinggi pasti akan menunaikan kewajipan yang diberikan kepadanya. Oleh itu, untuk melahirkan pelajar berakhhlak rabbani, pengukuhan aspek keimanan perlu diberikan

perhatian yang sewajarnya. Perkara ini memerlukan proses pemantauan yang berterusan dari pihak ibu bapa atau penjaga sekiranya pelajar tinggal di asrama.

Dalam kajian literatur, pengkaji telah menemukan teori pembangunan akhlak menurut al-Ghazali (2003) dan Teori Pemulihan Iman (IRT) oleh Abdul Latif et.al (2011) sebagai asas dalam aspek perubahan akhlak remaja ke arah perlakuan akhlak yang baik. Manakala dalam model Teori Pemulihan Iman, *tazkiyah al-nafs* mempunyai tiga dimensi utama iaitu pembinaan pengetahuan, kekuatan jiwa dalaman serta disiplin. Begitu juga dengan Model Prinsip Pengukuran Religiositi dan Personaliti Muslim menggariskan bahawa aspek pengetahuan, sikap, dan amalan agama menentukan akhlak seseorang Muslim. Hal ini kerana pengetahuan agama seseorang mempengaruhi amalan agama dan menentukan sikap untuk melakukan perubahan ke arah perlakuan akhlak yang baik. Kajian literatur juga menemukan aspek pengetahuan dan amalan agama yang perlu dimiliki oleh seseorang remaja Muslim dari aspek akidah, ibadah, dan akhlak.

Antara faktor yang boleh mempengaruhi pelajar untuk lebih seronok melakukan aktiviti sukarelawan apabila mendapat galakan dari ibu bapa, guru dan persekitaran masyarakat yang sentiasa memberi ruang kepada pelajar remaja untuk menjadi sebahagian dari sukarelawan dalam apa jua program yang bersifat sukarela. Justeru, program sokongan dari pelbagai pihak seperti pihak pentadbiran sekolah, komuniti masyarakat tempatan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan organisasi atau jabatan yang terlibat secara langsung dengan program kesukarelawanan perlu menyediakan ruang dan peluang kepada pelajar dari masa ke masa untuk memastikan golongan pelajar remaja tidak dipinggirkan penglibatan mereka dalam aktiviti yang baik ini. Usaha yang bersepadau ini mampu memberikan pelbagai manfaat kepada pelajar remaja dalam membentuk perlakuan akhlak yang baik dan dapat menghindari gejala negatif yang sering menjadi pengaruh kepada remaja apabila tidak ada pengisian aktiviti yang sihat. Apabila pelajar melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan ini, mereka akan terdedah kepada persekitaran sosial yang positif.

Selain itu, pelajar turut didedahkan dengan pengalaman yang menyeronokkan kerana dapat mengetahui pelbagai kefahaman agama dan budaya bangsa apabila bergabung dengan pelbagai jenis kaum dan etnik yang turut terlibat dalam gerak kerja sukarela. Secara tidak langsung juga akan membantu pelajar membina jati diri dan dapat membantu pelajar membina keyakinan diri melalui peningkatan komunikasi yang baik antara komuniti di dalam sesebuah masyarakat. Pertemuan ini juga akan mewujudkan suasana perpaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat setempat sehingga dapat membina kekuatan negara bangsa di peringkat nasional. Apabila pelajar terlibat dengan aktiviti sukarelawan dengan pelbagai pihak dari luar sekolah secara tidak langsung juga mendedahkan pelajar menjadi seorang pemimpin apabila mereka dapat membuat keputusan yang bijak dan tepat.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan hubungan antara tahap amalan agama dengan sikap sukarelawan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah Agama di daerah Hulu Langat adalah signifikan, namun ianya berada pada tahap rendah. Dapatkan kajian hanya berdasarkan jawapan dan kejujuran dari instrumen soal selidik yang dibentuk mengikut konstruk objektif kajian yang

dicapai. Untuk dapatan kajian yang lebih menyeluruh dan mendalam adalah disarankan agar menggunakan kaedah instrumen berbentuk temu bual atau pemerhatian melalui pendekatan kualitatif. Hal ini penting kerana golongan pelajar remaja merupakan aset kepada pembangunan tamadun sesebuah negara pada masa hadapan. Pelajar yang mempunyai tahap kesukarelawan yang rendah menunjukkan wujudnya masalah dari segi penghayatan amalan agama dan nilai-nilai murni yang sepatutnya diamalkan di dalam kehidupan seorang pelajar Muslim. Penghayatan terhadap nilai agama dan sikap pelajar yang ditunjukkan dalam program sukarelawan perlu digarap sebaik mungkin demi perpaduan dan keharmonian sejahtera di dalam sesebuah kemajuan negara. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini memberikan implikasi positif dalam pembangunan modal insan khasnya kepada golongan pelajar di seluruh sekolah menengah Agama di Malaysia. Walaupun kajian hanya dilakukan di daerah Hulu Langat dan hanya melibatkan tiga buah sekolah menengah Agama, namun hasil dapatan tersebut bermanfaat untuk penambahbaikan program-program berbentuk sukarela melibatkan gerak kerja sosial tanpa didasari apa-apa ganjaran dapat diangkat di seluruh sekolah di dalam negara secara umumnya. Kajian lanjutan terhadap sumbangan dan peranan pelajar sekolah dalam bidang kesukarelawan adalah dicadangkan. Selain itu, kajian tentang pelbagai faktor yang mempengaruhi tahap amalan agama pelajar terhadap sikap sukarelawan seperti kekangan dari segi masa, tenaga bakti dan kewangan yang dihadapi pelajar untuk menyertai program sukarelawan.

RUJUKAN

- Al-Quranul Karim (2000). LTQ.KDN.Q.913(44)96. Pulau Pinang: Percetakan Almuarif Sdn. Bhd.
- Ab. Aziz Mohd Zain. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Abdul Halim El-Muhammady. 1985. *Peranan Guru dalam Pendidikan Islam*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Hamzah dan Masribanun Duki. 2007. Penilaian Pelajar-pelajar Sekolah Menengah terhadap Amalan Kepimpinan GPI. *Jurnal Pengurusan & Kepimpinan Pendidikan*, 17: 33-55.
- Ab. Halim Tamuri. 2010. Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berteraskan Konsep Mua'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2(1) : 43-56
- Abdul Raof Dalip. 1993. Teknik pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah menengah. Dlm. Ismail Abd. Rahman (Ed), *Pendidikan Islam Malaysia* (hlm. 151 71). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abouleish, E. (1993). "Contribution of Islam to Medicine" dlm. Shahid Athar, *Islamic Perspective in Medicine*, Edinburgh, UK: Edinburgh University Press.
- A'dawiyah Ismail. 2010. *Perlaksanaan Dakwah dan Pengurusan Organisasi: Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Azam Abdul Rahmam (2003) Pertubuhan Sukarela Islam: *Harapan dan Cabaran Baru dalam Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, Jamal Rizal Razali, Hasnah Hussiin. 2007. *Modal insan: konsep, aplikasi & isu-isu kontemporari dalam cabaran pemerkasaan tamadun insan.* Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
- Ahmad Tarmizi Jusoh, Mohamad Abdul Hamid, Samsudin Wahab. 2021. Faktor Agama dan Sifat Keterbukaan Terhadap Niat dalam Melakukan Amalan Hibah: Satu Kajian Sorotan. *International Journal of Muamalat* 5(1) : 105-117
- Aizan Ali @ Mat Zin, Murni Buchik. 2017. Isu dan Cabaran Pendidikan Remaja Muslim Di Malaysia. *Jurnal al-Tamaddun*, 12 (2) : 41-49
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1999. *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Alias, A. M., & Balakrishnan, V. (2017). Impak Kesukarelawanan Dalam Kalangan Belia Di Kuala Lumpur: Satu Kajian. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(4), 25-43.
- Anas Suzastri Ahmad Hadijah Johari. 2022. Motif Kesukarelawan dan Kemahiran Insaniah Mahasiswa Khidmat Masyarakat. *International Journal of Social Science Research* 4(1), 124-138,
- Asmadi Mohamed Naim. 2003. Maqasid Syariah dan pemikiran pengurusan Islam di Sintok. Latihan Ilmiah. Universiti Utara Malaysia.
- Aysil Tukel Yayuz. (1991). "Transportation of Historic Monument as a Means of Conservation and Restoration" dlm. *Congress International: Conservation, Rehabilitation and Recyclage*, Quebec, Canada: Les Presses De L' Universite Laval. 1981
- Azman Mat Zain. 2002. *Akhlaq Islam: Konsep dan Kepentingannya Dalam Kehidupan Masyarakat*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Azrina Mazlin Alias* & Vishalache Balakrishnan (PhD). 2016. Impak Kesukarelawanan dalam Kalangan Belia di Kuala Lumpur: Satu Kajian. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 3(4): 25-43
- Faridah Che Husain, Zawiah Mat, Khairul Hamimah Mohamad Jodi & Fuadah Johari. 2008. Pembinaan Modal Insan Melalui Pembentukan Akhlak Individu ke Arah Kemantapan Tamadun Ummah. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-6*. hlm. 35-42.
- Fauziah Ibrahim, Aizan Sofia Amin & Tharshini A/P Sivabalan. 2015. Penglibatan Dan Motivasi Kesukarelawanan: Ke Arah Memupuk Semangat Kesukarelawan Dalam Kalangan Mahasiswa. *Journal of Social Sciences and Humanities* 10(1) 84-96.
- Habib Mat Som & Syed Kamaruzzaman Syed Ali. 2016. Isu Dan cabaran Kompetensi Guru Pendidikan Islam Dalam Menghadapi Perubahan Kurikulum Di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Pemerksaan Pendidikan Islam (Madrasah)*. 20 & 21 Oktober 2016. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Hassan Langgulung. 2003. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Edisi Kelima. Jakarta. Pustaka Al Husna Baru.
- Ismail Bakar. 2010. Sejarah Kepimpinan dan Politik ke Arah Pembentukan Jati Diri Kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman (pnyt.). *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari*. hlm.197-120. Bangi. Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan. 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md. Saleh@Masrom. 2007. *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Successful Family Education and Development. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. Panduan Amali Pendidikan Islam Sekolah Menengah.
- Lokman, Z. Muhammad & Azmi Abdul Manaf. 2003. *Globalisasi di Malaysia*. Utusan Publications & Distributors. Kuala Lumpur.
- Mitchelle et al. 1989. Keyboarding A Mastery Approach Comprehensive. Masribanun Duki.
2004. Penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam: Satu kajian di Daerah Kuala Selangor. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Muda.1998. *Cabaran Dan Harapan Dalam Pendidikan Menghadapi Alaf Baru*. Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Azam Mahat, Fakhrul Adabi Abd. Kadir. 2011. *Perlaksanaan Program Dakwah Di Sekolah Sebagai Suatu Tuntutan Terhadap Falsafah Pendidikan Kebangsaan*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd. Najib Najmuddin. 2003. Hubungan antara amalan agama dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Muhammad Hisyam Mohamad. 2009. Pembangunan Ekonomi Seimbang dan Komprehensif: Pendekatan di Malaysia dalam Khairul ‘Azmi Mohamad, et al. (Eds.) *Ke Arah Umat Hadhari*; Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuhan. Hlm. 231-261.
- Nooraini Othman & Salasiah Khairullah. 2013. Explorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan. *International Journal of Islamic Thought*. 4(12): 48-57
- Noran Fauziah (1986). “Fungsi Sekolah dalam Masyarakat”. *Dewan Masyarakat*. Edisi Februari. 53-54
- Novandri Hasan Basri (2000) “Masalah Disiplin Pelajar Satu Pendekatan dan Penyelesaian”. *Dewan Budaya*. Edisi Budaya. 8-9.
- Omarin Ashaari. 2002. *Pengurusan Sekolah Suatu Panduan Lengkap*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Rosazman Hussin, Balakrisnan Parasuraman, Paul Porodong, Asmady Idris & Dullah Mulok. 2000. Globalisasi: Beberapa Pendekatan Sains Sosial. Dewan bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Rosnijah Arolah & A'dawiyah Ismail. 2019. Peranan Guru Pendidikan Islam Membentuk Akhlak Pelajar Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kunak Sabah. *Jurnal Al-Hikmah* 11(1). 74-87
- Rozana Abd. Rahim dan Nor Hashimah Hashim. 2005. Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam Pendidikan Sekolah Rendah. Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005. Universiti Sains Malaysia.
- Sabariah Sulaiman, Maimun Aqsha Lubis & Nooraini Sulaiman. 2008. Keunggulan Falsafah Pendidikan Islam Berbanding Falsafah Pendidikan Barat Dalam Menjana Modal Insan Cemerlang. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke- 6*, hlm. 157-165.
- Sabra, Adam (2000). Poverty and Charity in Medieval Islam, dalam. *Mamluk Egypt, 1250-1517*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.

- Siddiq Fadzil. 2009. *Jati Diri dan Psikik Melayu*. Kajang: Kolej Dar alHikmah.
- Tajul Arifin Muhamad & Aishah Nadirah Mohd Alauddin. 2013. Motif Penglibatan Sukarelawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi terhadap Tahap Kepuasan Diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38(2) : 51-59
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Faridah Che Husain. 2006. Pendekatan Kaunseling Dalam Dakwah Bagi kesejahteraan insan dan Peradaban Ummah. *Jurnal Usuluddin*. 23-24: 199-216
- Wrenn, C.G. 1951. *Student Personal Work in College*. New York: Ronald Press.hlm. 60.
- Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Nordin. 2003. Peranan Pendidikan Islam dalam Falsafah Pendidikan Negara. Dlm. Suzalie Mohamad (Ed.), *Memahami isu-isu pendidikan Islam di Malaysia*. Hlm.15-30. Kuala Lumpur: IKIM.
- Wan Muhamad, S. A. A. 2010. Strategi, kaedah dan pelaksanaan dakwah dalam membina jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman (pnyt.). *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari*, hlm. 85-96. Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahya Don. 2005. *Kepimpinan Pendidikan Di Malaysia*. Bentong Pahang: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Zahariah Aiyub. 2005. Faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.